

Headline	Dulu pensyarah kini usahawan perabot disegani		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	thirtriiT	AdValue	RM 5,633
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,898



Dulu pensyarah kini usahawan perabot disegani

KUALA LUMPUR 11 Mei - Minat mendalam dalam industri pembuatan perabot menyebabkan seorang pensyarah kanan sanggup meninggalkan kerjaya tetap bergaji lumayan hanya semata-mata mahu menceburi bidang berkenaan hampir 25 tahun lalu.

Bagaimanapun, pengorbanan tersebut membuahkan hasil apabila syarikat Meranti Furniture Sdn. Bhd. (MFSB), milik Datuk Md. Pishal Ab. Rauf itu dinobatkan sebagai syarikat pengeluar perabot terbesar milik bumiputera di Malaysia selain mencatatkan keuntungan lebih RM10 juta setiap tahun.

Menurut Pengarah Urusan MFSB itu, semuanya bermula apabila beliau dilantik sebagai perunding untuk Konsortium Skim Payung Guthrie yang diwujudkan bagi membantu usahawan bumiputera dalam perniagaan perabot pada tahun 1990.

"Ketika itu saya bertugas sebagai pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta Penyelaras Pusat Pembangunan Perusahaan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang diberi tanggungjawab membuat kajian mengenai tempoh balik untung bagi pengusaha perabot di bawah skim berkenaan.

"Tugas itu akhirnya menyuntik minat saya dalam industri berkenaan dan dengan bermodalkan RM180,000 melalui bantuan Bank SME, saya memulakan perniagaan. Selepas meletak jawatan pada tahun 1994, saya kembangkan pula perniagaan ini dengan modal RM1.72 juta sebelum akhirnya mendapat

pulangan lebih tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Md. Pishal berkata, walaupun pada asalnya hanya mempunyai angan-angan untuk menjadi usahawan Melayu berjaya, hakikatnya seseorang itu boleh berjaya sekiranya sanggup bekerja keras.

"Saya bersama isteri, Datin Mariah Abdul Wahid dan anak-anak berjaya mengembangkan perniagaan ini sehingga berjaya menjadi

syarikat perabot terbesar negara, sudah tentu impian saya kini adalah untuk meletakkan nama kami dalam arena antarabangsa pada masa akan datang," ujarnya.

Meranti Furniture kini memiliki lima kilang yang menghasilkan pengeluaran perabot kayu dan logam.

Antara nama besar yang merupakan pelanggan Meranti Furniture ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Hospital Selayang, Hospital Permai di Johor, Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Meranti Furniture juga mengeksport produknya ke Sudan, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Maldives, selain memiliki pengiktirafan pensijilan daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan ISO 9001:2008.



MD. PISHAL AB. RAUF (kiri) dan Mariah Abdul Wahid bersama kakitangan dalam sesi perbincangan mengenai produk perabot di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN